

TATABAHASA

PENJODOH BILANGAN DAN KATA KERJA AKTIF TRANSITIF

a) Lengkapi teks dengan penjodoh bilangan yang betul.

biji	botol	buah	helai	keping	papan
------	-------	------	-------	--------	-------

Hafiz dan beberapa _____ kawannya bermain bola sepak di padang. Tiba-tiba kaki Zamri tersepak se _____ tin minuman. Tapak kakinya luka.

Hafiz berlari ke rumahnya lalu mengambil se _____ peti ubat. Peti ubat itu lengkap dengan beberapa _____ kain anduh dan pelbagai jenis ubat seperti dua _____ panadol. Hafiz mengambil se _____ cecair pencuci luka lalu mencuci luka pada tapak kaki Zamri. Kemudian, Hafiz menampal luka itu dengan se _____ plaster.

b) Lengkapi teks dengan kata kerja aktif transitif yang sesuai.

menggosok	menghalang	memeriksa	menjaga	mengetip	mencuci
-----------	------------	-----------	---------	----------	---------

Kebersihan diri perlu sentiasa dijaga. Oleh itu, kita mestilah _____ kuku pada jari kaki dan jari tangan. Kita hendaklah _____ kuku yang panjang supaya tidak ada kuman pada celah kuku.

Selain itu, kita perlu _____ rambut kita. Kita hendaklah _____ rambut dengan syampu yang sesuai. Oleh itu, kita dapat _____ kutu daripada membiak di atas kepala kita.

Seterusnya, kita haruslah menjaga badan kita. Kita perlu mandi serta _____ daki pada badan agar kuman tidak melekat pada badan kita.